



Michael Spalt & LEO SKALA

SPALT BASS | TOTEM GUITARS

www.spaltbasses.com

Saya ni jenis orang yang mesti buat kerja tangan. Saya boleh jadi gelisah kalau tak buat apa-apa. Macam-macam saya buat - membaiki motosikal Triumph lama, kereta dan sebagainya. Memandangkan ketika itu saya bekerja sebagai screenwriter, saya terpaksa duduk sendirian dalam bilik menghadap komputer sepanjang hari.... naik gila saya dibuatnya. Jadi saya mula membikin gitar semula dalam garaj saya sebagai hobi. Mulanya saya 'repair' sahaja. Kemudian saya mula membina sendiri serta membaca dan mempelajari tentang seni membina gitar seberapa banyak yang boleh. Setelah beberapa lama, saya sedar yang setiap pagi saya akan ke garaj dulu dan bukannya ke pejabat. Saya mula sedar bahawa bekerja dengan pemuzik dan instrumen lebih memuaskan hati berbanding dengan duduk sepanjang hari dan menulis sesuatu yang akan sampai ke tangan beberapa orang sehingga ia baru menjadi sesuatu, iaitu sebuah filem yang mana hasil kerja saya telah berkali-kali diubah sehingga saya sendiri dah tak kenal lagi.

Saya mula melibatkan diri dalam perniagaan gitar tanpa menyedari yang ianya salah satu perniagaan yang paling susah nak cari makan. Banyak yang saya dah belajar selama ni! Mungkin anda dah terbaca kisah PRS yang mengambil masa 10 tahun merengkok dalam kedai kecil sehingga dia dapat jual gitar-gitarnya. Itu biasalah dalam perniagaan macam ni, cuma yang tak biasa ialah kejayaan PRS. Ada beribu pereka gitar tetapi hanya beberapa saja yang mampu untuk mencari makan dan mengaut keuntungan. Selebihnya kenalah buat kerja-kerja repair untuk menampung hidup. Selain dari membina rekaan sendiri, saya masih lagi membuat kerja-kerja membaiki gitar. Apa yang membuatkan kerja ini menarik ialah bila kali pertama memainkannya dan mendengar bunyi yang keluar. Tak kiralah apa teknik dan bahan yang digunakan dalam proses pembuatan, setiap alat muzik itu akan mempunyai sound dan rasa yang berlainan.

GB: Sekarang ni memang bermacam-macam jenama gitar dan bass yang ada dalam pasaran. Masa anda mula membina bass pertama anda, apa sebenarnya objektif yang anda nak capai?

MS: Masa saya baru buka kedai, saya yakin yang rekabentuk saya akan jadi popular dan saya fikir mungkin saya boleh menjualnya. Ketika tu saya dah mula buat Totemguitars dan beberapa model solidbody lain yang menggunakan tonewood seperti Cedar dan Redwood. Masa tu kami menyewa di daerah Silverlake di Los Angeles iaitu satu kawasan yang didiami oleh ramai artis dan pemuzik. Dalam masa dua tahun saya tinggal di situ, saya telah mula merekabentuk model Spaltbass. Sambil saya buat gitar saya sendiri, saya membuat kerja-kerja membaiki gitar, itu pun cukup-cukup makan saja. Apa-apa wang yang saya dapat, saya telah gunakan untuk membeli alat pertukangan, kayu dan komponen gitar. Masa saya membaiki gitar, saya banyak belajar tentang bagaimana gitar-gitar dibina, dan apa masalah rekabentuk gitar-gitar tersebut, dan bagaimana saya boleh membaiki masalah tersebut. Saya juga telah mempelajari pelbagai pendekatan dalam membina instrumen dan menyedari betapa rumitnya merekabentuk sebuah gitar. Lama-kelamaan kami terpaksa berpindah kerana bangunan kami telah dijual oleh pemilik bangunan itu. Kini kami mempunyai bengkel baru di kawasan yang sama yang terletak berhampiran beberapa studio latihan - ia satu lokasi yang sangat baik untuk kami.

Antara komen yang saya dapat



SALAM SEJAHTERA, Jumpa kembali dalam satu lagi ruangan istimewa 'The Makers'. Oops.. jangan terkejut pula dengan nama ruangan ini. Saya baru sahaja mendapat nama untuk ruangan ini. Dalam beberapa isu yang lalu, kita telah pun berjaya menyelidik dan menyelami secara eksklusif bagaimana pembuat-pembuat gitar dan bass ternama dunia seperti Ken Smith, Ken Warmoth dan Ken Beensee membuat alat-alat mereka. Saya berharap bahawa ruangan ini telah pun mendatangkan manfaat kepada pembaca-pembaca sekalian, kerana bukan mudah untuk mendapat informasi sebegini.

Baik. Kali ini saya ingin memperkenalkan anda sekalian kepada seorang pembuat gitar dan bass yang sungguh istimewa. Beliau adalah Michael Spalt pengasas dan pembuat Spaltbass, satu-satunya *designer* bass yang sungguh menarik. Saya percaya anda akan setuju. Ikutilah temuramah saya bersama beliau.

GB: Rekabentuk anda semuanya memang canggih dan menarik. Boleh ceritakan sedikit tentang latarbelakang anda?

MS: Pendidikan saya bermula sejak peringkat yang awal lagi. Ayah saya seorang arkitek dan saya telah didedahkan kepada berbagai corak rekabentuk oleh ayah saya. Penekanan diberi kepada menggabungkan fungsi dan rupa serta menjadikannya berguna dan tahan lama. Sepanjang hayat saya telah melihat hasil kerja yang terbaik oleh pereka-pereka dalam pelbagai bidang.

GB: Macam mana anda boleh mula melibatkan diri dalam industri gitar? Dulu anda ada bermain muzik? Anda boleh main gitar atau bass?

MS: Saya memang dah lama minat gitar. Saya pernah main dalam beberapa band semasa remaja. Lepas itu saya mula membaiki dan mengubahsuaikan seberapa banyak gitar yang boleh. Zaman itu (akhir tahun 70-an) kalau ada gitar custom kira hebatlah - semua orang tak mahu main sebarang Strat atau Paul. Jadi ketika tu kami telah ubah suai beberapa gitar yang hari ini sudah dianggap 'vintage'. Selepas itu saya masih lagi meneruskan minat saya dalam gitar walaupun telah belajar dan bekerja dalam bidang lain, tetapi hanya sebagai hobi sahaja.

Minat utama saya pada mulanya ialah filem. Saya belajar di sebuah sekolah perfileman di Vienna (tempat saya dilahirkan), dan kemudiannya berpindah ke USA. Di situ saya melanjutkan pelajaran ke San Francisco Art Institute di mana saya mempelajari senilukis, fotografi, seni arca dan filem. Saya keluar dari situ pada tahun 1981. Selepas pulang ke Vienna, saya masuk Academy of Applied Arts dan belajar seni lukis selama tiga tahun sambil bekerja sebagai jurufoto dan jurufilem. Saya pulang semula ke US dan bekerja di Hollywood sebagai editor dan screenwriter. Saya juga telah bekerja dalam bidang 'special effects' di mana saya banyak belajar teknik dan kemahiran yang kini saya gunakan dalam pembinaan gitar dan bass saya.



apabila semakin dalam. Badan aluminium berfungsi sebagai satu pelantar, ia akan bergetar ke frekuensi rendah dan akan memberikan satu tone yang jelas. Tali low B pada bass saya boleh diturunkan tuningnya dan masih boleh mendapat tone yang boleh digunakan pada had yang boleh diterima oleh 99% amplifier (lebih lagi kalau gunakan pickup Lightwave) - semua itu dalam pada ukuran skala 34"!

Pickup Lightwave merupakan satu sistem baru yang

baik dan boleh menghasilkan pelbagai variasi tone

dan harmonic yang jelas sehingga ke 4Hz. Saya lebih gemar menggunakannya pada model fretless saya kerana ia sudah siap dipasang dengan Piezo, dan kalau betul silap-silap orang sangka yang anda sedang main upright akustik bass yang sebenar! Selain tu, dengan memutar beberapa punat, anda boleh dapat tone Jaco (Pastorius) dan juga satu tone 'punchy growl' yang belum pernah sesiapa gunakan lagi. Anda boleh main fretless Metal! Pernah tak tengok sesiapa main tu? Saya masih lagi mencari seorang bassist yang boleh menggunakan sepenuhnya tone dalam rekaan saya - macam apa yang dibuat oleh Stanley Clarke dengan Alembic pada tahun 70-an.

GB: Bass anda semua cantik-cantik belaka rekabentuknya. Anda menganggap bass-bass rekaan anda sebagai 'designer bass'?

MS: Saya rasa boleh juga kalau nak dipanggil 'designer bass' ataupun 'boutique bass'. Pendekatannya memang berdasarkan prinsip rekacipta iaitu 'form follows function'. Tapi bagaimanapun ia sebuah alat muzik yang boleh dimainkan dengan baik oleh pemainnya. Kalau mengikut harga, ia merupakan antara yang termurah dalam kategori 'boutique'. Aneh juga, sebab saya tahu kos pembuatan dan harga yang dikenakan kepada pelanggan oleh kebanyakan pereka gitar ternama. Kos saya tinggi tapi harga saya tidak - rasanya banyak lagi yang saya kena belajar untuk nak jadi businessman. Buat masa ni saya bukanlah banyak buat duit. Saya cuma didorong oleh keinginan membina



bass dan melihat sejauh mana saya boleh mengubahnya dari segi fungsi dan rupa.

GB: Apa kelebihan bass anda dari segi ergonomi, keseimbangan dan kestabilan bunyi? Apa keistimewaan bahagian aluminium itu dari segi bunyi, ataupun adakah ia sekadar untuk mencantikkan rupanya sahaja? Tolong jelaskan kepada kami.

MS: Konsep di sebalik rekabentuk bass ini ialah: kayu di bahagian lehernya selesai dipegang dan ia juga menyumbang lebih dari 50% dari tone pada setiap gitar atau bass (ramai orang

tidak sedar hakikat ini). Ia menentukan aspek-aspek seperti 'sustain' dan sebagainya. Ciri-ciri tone pada bass saya ditentukan oleh lehernya. Masa Kramer mula-mula keluaran leher gitar dan bass aluminium dulu, mereka sangkakan ia akan jadi lebih stabil tetapi sebenarnya tidak. Tangan pun rasa sejuk bila memegangnya. Tapi tone dia ada di situ.... Jadi, saya mengambil keputusan untuk menggunakan konsep itu. Badan aluminium akan menjelaskan lagi getaran pada frekuensi rendah sambil memberi kestabilan serta kukuh dan mudah untuk pemasangan pickup dan komponen lain. Aluminium merupakan satu bahan yang baik dari segi tone. Ia juga ringan dan cukup kuat untuk dibuat menjadi berbagai bentuk yang menarik. Tapi rasa pada kayunya (dan juga rupanya) memang tak boleh lawan. Sesetengah bahagian yang disentuh atau dipegang oleh tangan dibuat dari kayu. Ia boleh digerakkan supaya pemain boleh mengubahnya mengikut kehendak mereka. Ia dibentuk untuk mengikut bentuk badan anda. Kalau tengok saja memanglah nampaknya tak begitu. Tapi bila anda dah biasa main Spaltbass dan lepas tu balik semula kepada bass biasa, anda mungkin akan rasa yang bass biasa itu memang tak selesa, terlalu besar dan leper.

Satu lagi aspek yang dipertimbangkan semasa proses merekabentuk ialah penggunaan kayu yang lebih cekap, iaitu saya boleh memilih kayu yang lebih baik kerana menggunakan kepingan-kepingan yang kecil. Dari segi tone, bahagian badan tidak memberikan kesan yang ketara dan oleh sebab itu saya boleh memilih kayu berdasarkan rupa serta rasa permukaannya. Untuk membuat leher,



saya suka menggunakan Wenge atau flame Maple dan juga Birdseye Maple.

Fingerboardnya pula saya guna Ebony dan Cocobolo tapi kami pernah juga menggunakan kayu lain.

GB: Adakah bass-bass ini dieksport ke luar negara, ataupun adakah ia dijual di pasaran Amerika sahaja? Boleh anda ceritakan ke mana ia dieksport dan berapa peratus jumlahnya?

MS: Bagaimana pula dengan jumlah keseluruhan pengeluaran anda?

MS: Saya pernah mengeksport beberapa ke eropah, tapi kebanyakannya masih dijual di US. Unit pengeluaran kami kecil saja -

kebanyakan kerja-kerja masih dibuat menggunakan tangan, termasuklah kerja yang melibatkan bahan-bahan besi. Kami sekarang sedang membuat beberapa model baru yang direka untuk pengeluaran yang lebih besar. Saya bekerja bersama seorang rakan kongsi dan sekarang kami sedang membuat dua jenis gitar yang lain sambil membuat kerja-kerja membaiki, mencipta rekabentuk baru, dan memenuhi tempahan pelanggan. Jadi faham-fahamlah, kami memang sibuk.

Bass kami memang eksotik, malah ia terlalu pelik dan luarbiasa bagi kebanyakan orang. Kami semakin mendapat pengiktirafan ramai. Tapi seperti yang saya kata tadi, di US pasarnya lebih bertumpu kepada yang 'vintage'. Bila saya tengok alat muzik yang dibuat di Eropah dan Asia, ia sangat berbeza. Jadi bila kami dah terkenal di luar negara, saya harap kami akan lebih diterima di sini. Ini semua instrumen yang sangat baik tapi

sayangnya tak ramai pun yang terfikir nak mencubanya, semuanya kerana ia tak nampak macam Jazzbass biasa.

GB: Siapa antara pelanggan-pelanggan anda?

MS: Antara jualan yang paling menarik sekali pada saya ialah ketika salah seorang pelanggan kami yang datang dengan kereta Lamborghini Diablo V12 cylinder mencuba sebuah bass dan terus membelinya. Saya pun dapat tengok kereta dia - sebuah lagi rekaan yang cantik!

Apa yang menarik ialah sekarang apabila bass kami dah semakin terkenal, saya semakin banyak menerima tempahan dari pemain gitar untuk membuat gitar. Sekarang kami sedang membina sebuah model 5-string "Gothic" bass untuk syarikat amplifier "Bad Cat". Saya juga sedang bekerjasama dengan Thomas Nordegg (gitar tech Frank Zappa, Steve Vai, John Petrucci, dan ramai lagi) untuk membina sebuah gitar untuk Steve Vai yang juga menggunakan pendekatan yang sama dari segi rekabentuk. Tengoklah apa jadi nanti... Roland sudah memesan kami membina sebuah bass yang boleh digunakan dengan midi. Mereka akan membawanya ke NAMM show pada bulan Januari. Ia sebuah model 6-string dengan pickup Lightwave. Sekarang ni kami sedang membuat satu lagi jenis bass baru menggunakan teknologi "Wiper" pickup. Jadi masa depan kami nampaknya cerah.

Harga bagi Spaltbass adalah seperti yang berikut (dalam dollar Amerika):

- \$2499 bagi model Matrix (4-string magnetic)
- \$2699 bagi model Terminator (5-string magnetic)
- \$2999 bagi model Magma 402 (4-string dengan pickup Lightwave)
- \$3199 bagi model Magma 502 (5-string dengan pickup Lightwave)

Model Fretless Magma 402 berharga \$3099. Harganya mahal sedikit kerana ia sebuah model edisi khas dan juga kerana jenis kayu yang digunakan.

Model NAMM 2001 Magma 501 ialah sebuah edisi khas untuk NAMM dan harganya ialah \$3999.

Harga bagi model Gothic sama seperti model biasa, tak kira sama ada warna hitam atau krom.



masa menunjukkan gitar saya kepada pemuzik ialah "Cool! Boleh tak buat saya strat macam tu?" Saya pun tak tahu macam mana nak jawab... Apa maksud dia? Ini memang bukan strat. Akhirnya saya sedar yang rekabentuk saya tak akan laris di pasaran. Pemain gitar kebanyakannya berfikir konservatif. Mereka mungkin ada tattoo, bertindik dan berlagak macam 'rebel' tapi bila berkenaan dengan gitar, balik-balik strat dan les paul. Pemain bass berfikir terbuka sikit, rekabentuk bass pun lagi banyak yang menarik berbanding dengan gitar. Mungkin pemain bass tak berkira sangat pasal imej macam pemain gitar. Sound dan rupa 'gitar hero' kita selama ni telah dibentuk oleh dua atau tiga model yang klasik. Bass ada berbagai lagi sound dan rekabentuk yang menarik sejak Alembic memperkenalkan rekabentuk baru pada tahun 70-an. Dulu ada seorang kawan saya bagi komponen-komponen bass, jadi saya mengambil keputusan untuk membuat bass. Pembuatan model 'prototype' saya agak kasar tapi rupa dan bunyinya bagus betul! Jadi dalam masa dua tahun saya mula membuat bass rekaan saya dan jadilah terus hingga ke sekarang.

GB: Macam mana rekabentuk Spaltbass mula-mula terjadi? Apa yang anda cadang nak buat ketika itu? Anda ada terpengaruh dari mana-mana rekabentuk? Tolong huraikan sikit kepada kami.

MS: Model Spaltbass sebenarnya bermula dengan gitar. Saya masa tu nak meringkaskan gitar itu kepa-

da bahan-bahan yang penting sahaja, menjadikannya boleh diubah supaya terdapat pelbagai pilihan untuk pemuzik yang menggunakannya. Saya memang tak suka pistol dan senapang, tapi saya kagum bagaimana ia menggabungkan aspek rupa dan fungsi, serta bagaimana ia sangat rapi dan selesa digunakan oleh tangan manusia. Objektif saya ialah menggunakan pendekatan yang sama iaitu menggabungkan aspek kegunaan, rupa, dan fungsi ergonomik. Tetapi di USA, pasaran didominasi oleh kegilaan alat-alat yang 'vintage'. Memang kurang permintaan untuk rekabentuk baru. Dari segi ini, saya rasa Eropah dan mungkin juga Asia lebih maju dari US. Antara pereka yang saya kagumi adalah dari Jepun dan tentulah juga dari Eropah. Kebanyakan rekabentuk dari Amerika yang betul-betul bagus adalah yang keluar pada zaman 50-an dan 60-an. Ada ramai juga pereka yang cuba membuat sesuatu yang baru, tapi hanya segelintir saja yang dapat memberi kesan yang besar. Salah satu yang terbaik ialah Steinberger. Orang macam PRS sebenarnya bukanlah membuat sesuatu yang betul-betul baru seperti yang telah dibuat oleh kebanyakan pereka di zaman 40-an dan 50-an. Sesetengah pereka baru hanya mengikut rekabentuk asal dan mencampur serta mengubahnya mengikut cara mereka sendiri. Misi mereka mungkin lebih kepada memperbaiki rekabentuk yang ada dan meningkatkan lagi mutunya. Saya pula lebih kepada inovasi yang radikal, iaitu meluaskan lagi kebolehan sesuatu instrumen itu dan juga menambahkan lagi

pilihan baru untuk pemainnya dari segi bunyi dan teknikal.

GB: Bagaimana anda memilih electronics (pickup dan sebagainya)? Apa sebabnya memilih electronics yang anda gunakan sekarang?

MS: Komponen yang saya guna untuk bass saya dipilih berdasarkan beberapa kriteria iaitu kualiti, kualiti, kegunaan, rupa dan reputasi. Sebagai sebuah syarikat yang baru nak naik, saya kena pastikan yang saya boleh memberi pelanggan saya sesuatu yang boleh mereka gunakan dengan mutu yang tinggi. Kalau ada nama yang mereka dah kenal, ia mungkin memberi mereka satu gambaran tentang bagaimana bunyi alat tersebut. Kalau lihat semua bass saya, kebanyakan orang biasanya tak tahu macam mana bunyinya. Pickup EMG sama saja bunyinya, tak kiralah pada alat mana ia dipasang. Saya sedar ramai orang lebih gemarkannya kerana ia seperti meyakinkan mereka yang bass itu berbunyi seperti sebuah bass dengan pickup EMG. Bartolini bukan saja ada nama, malah saya memang sukakan soundnya. Ramai orang menganggapnya sebagai pengukur bagi kualiti dan tone. Kami masih lagi mencuba berbagai komponen dan apa yang menarik ialah salah satu 'prototype' (model percubaan) kami yang paling sedap bunyinya ialah yang dipasang dengan sebuah pickup Fender P-Bass yang lama dari tahun 1962. Bunyi macam P-Bass yang makan steroid! Saya buat bass itu sebab nak membandingkan bunyinya dengan P-Bass biasa. Saya sedar yang kayu akan menyerap frekuensi rendah



Matrix yang diperbuat dari Padouk/Zobrawood dengan leher bird's eye maple yang sudah siap untuk hantaran. Bass ini boleh dimuatkan dengan backpad yang dipasang pada chromeplate untuk memberi posisi yang lebih stabil bila bermain sambil berdiri.



Memotong aluminium. Bila bentuknya sudah dipotong, kami gunakan satu templet untuk melicinkan bahagian tepinya. Kemudian ia digenudi dan diketuk perlahan-lahan untuk pemasangan bridge dan pickup. Selepas itu ia akan digosok dan dibentuk lagi untuk kali terakhir sebelum dilapkan dan dihantar untuk dikrom.



Leher yang sedang disiapkan dan kayuan yang digunakan di bengkel kami.



Komponen yang siap untuk pembentukan akhir dan finishing (semburan cat). Ini dibuat menggunakan CNC. Kami melengkungkan badannya dan menggosoknya dengan halus supaya kelihatan baik dan rasa selesa. CNC tak dapat melakukan semua itu dengan kualiti yang memuaskan. Tapi ia amat baik jika digunakan untuk menggerudi dan memotong bentuk yang tepat.



Ini gambar saya



Leo sedang memotong sebuah blank.



Rakan saya Leo Skala sedang memotong sebuah badan bass secara manual. Kami akan buat begini bila nak cepat dan juga untuk sesetengah pesanan khas (custom order) yang tertentu.



Bahagian belakang Magma 502 menunjukkan charging jack dan cavity plate serta komponen bridge plate dimana pickup Lightwave dimuatkan.